

**SOALAN NO. 51**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR  
[ TANJONG KARANG ]**

**TARIKH : 7 APRIL 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

YB Datuk Seri Noh bin Haji Omar [ Tanjong Karang ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah caranya Kerajaan mengawal kutipan-kutipan derma untuk mangsa bencana alam di dalam dan luar negara.

**JAWAPAN:** **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak yang berminat untuk memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana khususnya dalam bentuk sumbangan kewangan boleh menyalurkan sumbangan tersebut kepada tabung-tabung yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri atau pun kepada Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) yang dikendalikan oleh ibu pejabat Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Ini membolehkan sumbangan tersebut direkod, diurus dan dilaporkan dengan baik oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat daerah, negeri dan pusat.

Sekian. Terima kasih.